



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**Malaysia Memperkukuh Peranan Kepimpinan Statistik Global di
UNSC57 Melalui Inovasi Digital dan Kerjasama Antarabangsa**

NEW YORK, 6 Mac 2026 - Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mewakili Malaysia ke Sesi Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-57 (UNSC57) yang berlangsung dari 3 hingga 6 Mac 2026 di Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York. Delegasi Malaysia diketuai oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, bersama Encik Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri, Pengarah Kanan, Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi.

Sebagai badan pembuat keputusan tertinggi dalam sistem statistik global, Suruhanjaya ini memainkan peranan penting dalam membentuk piawaian statistik antarabangsa, memperkukuh sistem statistik nasional serta memandu komuniti statistik global dalam menangani cabaran data yang semakin kompleks. Suruhanjaya ini menghimpunkan Ketua-Ketua Perangkawan, organisasi antarabangsa dan pakar global untuk membincangkan kemajuan metodologi serta keutamaan statistik yang menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti dan pembangunan mampan di seluruh dunia.

UNSC57 berlangsung pada saat komuniti statistik global berhadapan dengan perubahan teknologi yang pesat, peningkatan permintaan terhadap data yang lebih kerap dan terperinci, serta keperluan terhadap ukuran kemajuan masyarakat yang lebih komprehensif. Perbincangan utama memberi tumpuan kepada pemodenan sistem statistik nasional, integrasi Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence* – AI) dan Data Raya, pengukuhan rangka kerja tadbir urus data, pemantauan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), pelaksanaan Sistem Akaun Negara 2025 (2025 SNA) serta pembangunan indikator yang melangkaui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi menggambarkan kesejahteraan, kemampanan dan pertumbuhan inklusif secara lebih menyeluruh. Perbincangan ini turut menekankan peranan statistik rasmi yang semakin penting sebagai sumber data yang dipercayai dalam ekosistem data global yang semakin kompleks, di mana data rasmi yang berkualiti dan mewakili keadaan sebenar negara kekal sebagai penanda aras yang dipercayai dalam menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti serta pembangunan dan penggunaan teknologi baharu secara bertanggungjawab.

Mengulas mengenai kepentingan Suruhanjaya tersebut, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan kepentingan kerjasama statistik antarabangsa dalam menangani cabaran data global yang semakin kompleks. "Suruhanjaya Statistik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kekal sebagai platform global paling penting dalam membentuk masa depan statistik rasmi. Dalam era transformasi digital yang pesat, permintaan terhadap data yang lebih terperinci serta kemunculan ekosistem data baharu yang dipacu oleh kecerdasan buatan dan data raya, sistem statistik kebangsaan yang kukuh dan berdaya tahan menjadi semakin kritikal," katanya.

Sepanjang UNSC57, Malaysia terlibat secara aktif dan substantif merentasi pelbagai agenda Suruhanjaya, sekali gus menegaskan komitmen DOSM untuk menyumbang secara bermakna kepada tadbir urus statistik global. Malaysia telah **mengemukakan 31 kenyataan bertulis nasional** yang merangkumi pelbagai agenda termasuk statistik sosial, ekonomi dan alam sekitar, transformasi digital, kecerdasan buatan, sains data serta pemodenan statistik.

Selain itu, Malaysia turut menyampaikan **sembilan kenyataan lisan**, sekali gus menzahirkan komitmen negara dalam memajukan statistik rasmi yang moden, inklusif dan bersedia menghadapi masa hadapan. Malaysia mengetengahkan pelbagai inisiatif utama DOSM meliputi aspek tadbir urus data, indikator SDG, pengukuran kesejahteraan, akaun negara, statistik pertanian dan perniagaan, statistik demografi serta penyebaran data terbuka. Malaysia turut menekankan kepentingan penggunaan data secara beretika, pelaksanaan AI secara bertanggungjawab serta pengukuhan rangka kerja tadbir urus data bagi meningkatkan kepercayaan awam dan menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti. DOSM juga mempamerkan beberapa inovasi nasional termasuk DOSM GeoHub yang mengintegrasikan statistik rasmi dengan data geospasial, Indeks Kesejahteraan Malaysia (MyWI), penyelesaian Banci Pertanian 2024, platform digital seperti TaniStats 2.0 dan MakGeoPadi, serta pengukuhan Daftar Perniagaan Statistik Malaysia dan ekosistem data terbuka negara. Kemajuan Malaysia dalam meningkatkan akses dan kebolegunaan data turut mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui kedudukan teratas dunia dalam Open Data Inventory (ODIN) 2024/2025, yang mencerminkan komitmen kukuh negara terhadap ketelusan statistik dan inovasi data. Melalui sumbangan ini, Malaysia menegaskan peranan proaktifnya dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa serta sistem statistik kebangsaan bagi menghadapi persekitaran global yang semakin dipacu oleh AI dan data.

Di luar sesi rasmi Suruhanjaya, Malaysia turut menyertai secara aktif pelbagai forum peringkat tinggi, mesyuarat kumpulan pakar dan acara sampingan termasuk *Friday Seminar on AI-Readiness for Official Data and Statistics*, *Member Meeting of the Inter-Secretariat Working Group on Household Surveys (ISWGHS)*, *Open Meeting of the Bureau of the ESCAP Committee on Statistics*, *Follow-up Meeting of the 14th Session of the OIC Statistical Commission*, serta *High-Level Forum on Official Statistics: Beyond GDP*. Malaysia turut mengambil bahagian dalam beberapa seminar berkaitan statistik migrasi, data rakyat, statistik demografi dan kesihatan, gender serta *forum "Data Systems at a Crossroads: Official Statistics for a New Era."* Penglibatan ini

membuka ruang penting bagi perkongsian pengetahuan serta memperkukuh hubungan Malaysia dengan komuniti statistik antarabangsa.

Penyertaan Malaysia turut diserlahkan melalui jemputan daripada *Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries* (SESRIC) kepada Ketua Perangkawan Malaysia sebagai panel pada acara sampingan bertajuk “*Strengthening Agricultural Census Systems in OIC Countries: Lessons Learned and Future Directions.*” Dalam sesi tersebut, Malaysia berkongsi pengalaman melaksanakan Banci Pertanian 2024, termasuk pembangunan portal MyAgricensus dan platform generasi baharu TaniStats 2.0 yang menyatukan data pertanian dalam ekosistem digital bersepadu selaras dengan piawaian statistik global. Inisiatif ini meningkatkan akses kepada data pertanian yang lebih terperinci di peringkat negeri, daerah dan kawasan Parlimen, sekali gus membolehkan pembuat dasar dan komuniti memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai trend pembangunan setempat serta menyokong perancangan berasaskan bukti bagi pembangunan sektor pertanian dan keselamatan makanan negara.

Dr. Mohd Uzir Mahidin turut mengambil bahagian sebagai panelis dalam *High-Level Discussion on “Statistics for Policy Action: Accelerating Multidimensional Poverty Reduction by 2030 and Beyond,”* yang dianjurkan oleh *Economic Commission for Africa (ECA)*, *Multidimensional Poverty Peer Network (MPPN)* dan *University of Oxford*. Dalam sesi tersebut, Malaysia berkongsi pengalaman menggunakan data Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) bagi menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti dan usaha pengurangan kemiskinan secara lebih bersasar, sekali gus menegaskan kepentingan sistem statistik yang kukuh dalam menyokong pembangunan inklusif dan mampan.

Di sela-sela UNSC57, delegasi Malaysia turut mengadakan beberapa sesi pertemuan hormat dan perbincangan strategik dengan organisasi antarabangsa serta pejabat statistik negara lain bagi meneroka potensi kerjasama dalam pembangunan kapasiti statistik dan inovasi metodologi. Delegasi Malaysia juga berkongsi beberapa penerbitan DOSM dengan delegasi antarabangsa, termasuk buletin “*The Journey of Malaysia Takes the Chair: From Putrajaya to the World, A Chronicle of International Statistical Leadership (2017–2025)*”, siri buletin yang memaparkan penyertaan Malaysia dalam sesi-sesi UNSC terdahulu, serta buletin berkaitan *ASEAN–Malaysia Statistics Week 2025*, yang merangkumi Mesyuarat Jawatankuasa Sesi ASEAN Community Statistical System ke-15 (ACSS15) dan *ASEAN–Malaysia Statistical Forum 2025 (AMSF)*. Penglibatan ini turut merangkumi perbincangan dengan Pemangku Pengarah Bahagian Statistik PBB, ketua delegasi daripada *Open Data Watch (ODW)*, *Australian Bureau of Statistics (ABS)*, *Statistics Canada*, *Statistics Australia*, serta Agensi Statistik Uzbekistan. Mengulas mengenai pertemuan tersebut, Dr. Uzir menegaskan bahawa, “Kerjasama antara pejabat statistik negara dan institusi global amat penting bagi memastikan sistem statistik terus berkembang seiring dengan perubahan dasar dan keperluan pembangunan. Interaksi ini membolehkan Malaysia berkongsi pengalaman, mempelajari amalan terbaik global serta memperkukuh jaringan kerjasama yang menyokong kemajuan statistik rasmi di peringkat antarabangsa,” katanya.

Sejajar dengan keutamaan UNSC57, DOSM kini sedang membangunkan ekosistem statistik yang lebih berfokuskan rakyat bagi menyokong Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13). Seiring dengan kemasukan Malaysia ke fasa pembangunan kritikal ini, DOSM sedang memperkukuh penghasilan statistik yang lebih terperinci, bertepatan masa dan relevan di peringkat tempatan. Usaha ini memastikan dasar yang dirangka berasaskan bukti yang kukuh dan berorientasikan rakyat. Malaysia juga telah mempertingkatkan penyebaran statistik melalui portal bersepadu, data terbuka dalam format boleh dibaca mesin (*machine-readable*), papan pemuka interaktif serta saluran komunikasi digital. Saluran ini memenuhi keperluan pelbagai kumpulan pengguna. Selain itu, penggunaan sumber data baharu serta pembangunan alat yang mesra pengguna seperti indikator kos sara hidup, metrik kesejahteraan dan kalkulator jangka hayat turut menyokong inisiatif ini. Usaha-usaha ini memperluas akses kepada maklumat yang bernilai, memperkasa rakyat Malaysia serta membolehkan penggubalan dasar yang lebih responsif.

“Malaysia kekal komited untuk memastikan statistik rasmi terus dipercayai, relevan dan responsif terhadap keperluan pembuat dasar dan masyarakat. Melalui inisiatif seperti *National Big Data Analytics Centre*, *OpenDOSM NextGen* dan pelbagai platform statistik berfokuskan rakyat, kami sedang mentransformasikan cara statistik dihasilkan, dianalisis dan disebarikan agar data lebih dekat dan bermakna kepada rakyat,” tambah Dr. Uzir.

Malaysia kekal komited untuk menyokong mandat UNSC serta terus menyumbang secara aktif dalam memperkukuh sistem statistik global. Penglibatan DOSM dalam UNSC57 mencerminkan komitmen Malaysia dalam memajukan inovasi statistik, memperkukuh kerjasama antarabangsa dan memastikan statistik rasmi terus menjadi asas utama kepada penggubalan dasar berasaskan bukti serta pembangunan mampan.

Seiring dunia menuju era data baharu yang dicirikan oleh transformasi digital, AI, data raya serta ukuran kemajuan yang lebih komprehensif, Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan komuniti antarabangsa dalam membangunkan sistem statistik yang moden, berdaya tahan dan dipercayai demi menyokong data dan dasar yang lebih baik serta kehidupan yang lebih sejahtera untuk semua.

UNSC57 telah menarik hampir 500 peserta dari 96 negara, 44 organisasi antarabangsa dan 5 organisasi bukan kerajaan. Sesi ini turut menampilkan kira-kira 372 kenyataan bertulis serta 81 acara sampingan secara fizikal dan maya yang memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh kredibiliti, kebolehbandingan dan kemampanan statistik global. Objektif utama UNSC57 kekal berteraskan aspirasi “*Better Data, Better Lives*” melalui pengukuhan kerjasama statistik antarabangsa dan inovasi.

Malaysia turut merakamkan penghargaan kepada Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di New York atas sokongan yang amat bernilai dalam memudahkan penyertaan Malaysia di UNSC57.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 MAC 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

Malaysia Strengthens Global Statistical Leadership at UNSC57 Through Digital Innovation and International Collaboration

PUTRAJAYA, 6 MARCH 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) represented Malaysia at the 57th Session of the United Nations Statistical Commission (UNSC57), held from 3 to 6 March 2026 at the United Nations Headquarters in New York. The Malaysian delegation was led by the Chief Statistician of Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, accompanied by Mr Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri, Senior Director, Population and Demographic Statistics Division.

As the highest decision-making body of the global statistical system, the Commission plays a critical role in shaping international statistical standards, strengthening national statistical systems and guiding the global statistical community in addressing emerging data challenges. The Commission brings together Chief Statisticians, international organisations and global experts to deliberate on methodological advancements and statistical priorities that underpin evidence-based policymaking and sustainable development worldwide.

The UNSC57 held particular significance as the global statistical community continues to navigate rapid technological transformation, increasing demand for high-frequency and granular data, and the need for more comprehensive measures of societal progress. Key deliberations focused on the modernisation of national statistical systems, the integration of Artificial Intelligence (AI) and Big Data, strengthened data governance frameworks, monitoring of the Sustainable Development Goals (SDGs), the implementation of the System of National Accounts 2025 (2025 SNA), and the development of broader indicators that go beyond Gross Domestic Product (GDP) to better capture well-being, sustainability and inclusive growth. These discussions underscore the evolving role of official statistics in an increasingly complex data ecosystem, where high-quality and nationally representative official data remain essential as trusted benchmarks to support evidence-based policymaking and the responsible development and use of emerging technologies.

Commenting on the significance of the Commission, YBhg. Dato' Sri Dr. Uzir, emphasised the growing importance of international statistical cooperation in addressing emerging global data challenges. *"The United Nations Statistical Commission remains the most important global platform for shaping the future of official statistics. As countries navigate rapid technological transformation, increasing demand for granular data and the emergence of new data ecosystems driven by artificial intelligence and big data, strong and resilient national statistical systems are more critical than ever,"* he said.

Throughout UNSC57, Malaysia demonstrated active and substantive engagement across the Commission's agenda, reaffirming DOSM's commitment to contributing meaningfully to global statistical governance. Malaysia submitted **31 national written statements** covering a wide range of agenda items, including social, economic and environmental statistics, digital transformation, artificial intelligence, data science and statistical modernisation.

Furthermore, Malaysia joins global discussions through **nine oral statements**, underscoring its commitment to advancing modern, inclusive and future-ready official statistics. Malaysia highlighted key initiatives by DOSM across areas such as data governance, SDG indicators, well-being measurement, national accounts, agricultural and business statistics, demographic statistics and open data dissemination. Malaysia emphasised the importance of ethical data use, responsible AI, and strengthened data governance frameworks to enhance public trust and support evidence-based policymaking. DOSM also showcased several national innovations, including the DOSM GeoHub integrating official statistics with geospatial data, the Malaysian Well-being Index (MyWI), the completion of the Agricultural Census 2024, digital platforms such as TaniStats 2.0 and MakGeoPadi, as well as the strengthening of Malaysia's Statistical Business Register and open data ecosystem. Malaysia's continued progress in improving data accessibility and usability has also been recognised internationally through its top global ranking in the Open Data Inventory (ODIN) 2024/2025, reflecting the country's strong commitment to statistical transparency and innovation. Through these contributions, Malaysia reaffirmed its proactive role in supporting international collaboration and strengthening national statistical systems in preparation for an increasingly AI-driven and data-intensive global environment.

Beyond the formal sessions of the Commission, Malaysia also took part actively in high-level forums, expert group meetings, and side events, including the Friday Seminar on AI-Readiness for Official Data and Statistics, the Member Meeting of the Inter-Secretariat Working Group on Household Surveys (ISWGHS), the Open Meeting of the Bureau of the ESCAP Committee on Statistics, the Follow-up Meeting of the 14th Session of the OIC Statistical Commission, and the High-Level Forum on Official Statistics: Beyond GDP, as well as a seminar on migration statistics, citizen data, demographic and health statistics, gender, and Data Systems at a Crossroads: Official Statistics for a New Era. These engagements offered valuable opportunities for knowledge exchange and enhanced Malaysia's interaction with the global statistical community.

Malaysia's participation was highlighted by an invitation from the Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC) for the Chief Statistician to join a panel at the side event titled "Strengthening Agricultural Census Systems in OIC Countries: Lessons Learned and Future Directions." In this session, Malaysia discussed its experience with the Agriculture Census 2024, including the creation of the MyAgricensus portal and the next-generation TaniStats 2.0 platform, which consolidates agricultural data into a unified digital ecosystem aligned with global statistical standards. These initiatives enhance access to more granular agricultural data at the state, district, and parliamentary levels, enabling policymakers and

communities to gain deeper insights into local development trends and supporting evidence-based planning for agricultural development and food security.

Dr Mohd Uzir Mahidin also participated as a panellist in the High-Level Discussion on “Statistics for Policy Action: Accelerating Multidimensional Poverty Reduction by 2030 and Beyond,” organised by the United Nations Economic Commission for Africa (ECA), the Multidimensional Poverty Peer Network (MPPN), and the University of Oxford. Malaysia shared how it utilises Multidimensional Poverty Index (MPI) data to inform evidence-based policies and targeted poverty alleviation efforts, emphasising the vital role of strong statistical systems in fostering inclusive, sustainable development.

On the sidelines of UNSC57, the Malaysian delegation also held a series of courtesy meetings and strategic engagements with international organisations and national statistical offices to explore future collaboration in statistical capacity development and methodological innovation, while also sharing several DOSM newsletters with international delegates, including “*The Journey of Malaysia Takes the Chair: From Putrajaya to the World, A Chronicle of International Statistical Leadership (2017–2025)*”, a series of newsletters highlighting Malaysia’s participation in recent UNSC sessions, and another featuring ASEAN–Malaysia Statistics Week 2025, which included the 15th Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS15) Committee and the ASEAN–Malaysia Statistical Forum (AMSF). These engagements involved discussions with the Acting Director of the United Nations Statistics Division and the head of delegation from Open Data Watch (ODW), as well as representatives from the Australian Bureau of Statistics (ABS), Statistics Canada, Statistics Australia, and the Uzbekistan Statistics Agency. Reflecting on these engagements, Dr. Uzir emphasised that, “International cooperation among national statistical offices and global institutions is essential to ensure that statistical systems continue to evolve in response to emerging policy challenges. These engagements allow Malaysia to exchange experiences, learn from global best practices and strengthen partnerships that support the advancement of official statistics worldwide,” he said.

Aligned with UNSC57 priorities, DOSM is developing a citizen-focused statistical ecosystem to support the 13th Malaysia Plan (RMK-13). As Malaysia enters this key development phase, DOSM is enhancing the production of granular, timely, and locally relevant statistics. This ensures policies are based on robust, people-centred evidence. Malaysia has also enhanced its statistical dissemination through an integrated portal, machine-readable open data, interactive dashboards, and digital communication channels. These channels serve the needs of a wide range of users. In addition, the use of new data sources and the development of user-friendly tools such as cost-of-living indicators, well-being metrics, and the Life Expectancy Calculator (*Kalkulator Jangka Hayat*) further support these initiatives. These efforts broaden access to valuable information, empower Malaysians, and enable more responsive policymaking.

“Malaysia remains committed to ensuring that official statistics remain trusted, relevant and responsive to the evolving needs of policymakers and society. Through initiatives such as the National Big Data Analytics Centre, OpenDOSM NextGen and various citizen-centric statistical platforms, we are transforming the way statistics are produced, analysed and disseminated so that data is closer and more meaningful to the rakyat,” Dr. Uzir added.

Malaysia remains steadfast in its commitment to supporting the mandate of the UNSC and to actively contributing to strengthening the global statistical system. DOSM’s engagement at UNSC57 demonstrates Malaysia’s dedication to advancing statistical innovation, fostering international collaboration and ensuring that official statistics continue to serve as a cornerstone of evidence-based policymaking and sustainable development.

As the world moves towards a new era of data characterised by digital transformation, AI, Big Data and broader measures of progress, Malaysia stands ready to work with the international community to build modern, resilient and trusted statistical systems that support better data, better policies and better lives for all.

UNSC57 attracted nearly 500 participants from 96 countries, 44 international agencies, and 5 non-governmental organisations. The session featured approximately 372 written statements, 81 in-person and virtual side events, all dedicated to enhancing the credibility, comparability, and sustainability of global statistics. The overarching objective of UNSC57 remains the pursuit of “Better Data, Better Lives” through strengthened global statistical cooperation and innovation.

Malaysia extends its appreciation to the Permanent Representative of Malaysia to the United Nations and the Consulate General of Malaysia in New York for their invaluable support in facilitating Malaysia’s participation at UNSC57.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

